

# Darurat di Tanah Melayu: Peristiwa dan Pengajaran Untuk Generasi Masakini Dalam Konteks Ketahanan Nasional

Zulhilmi bin Paidi & Rohani Hj Ab Ghani

## *Abstrak*

*Kemerdekaan negara ini dicapai dengan bangganya pada 31 Ogos 1957. Kemerdekaan ini tercapai adalah hasil perjuangan rakyat negara ini yang bukan mudah dan ianya penuh dugaan dan cabaran. Di antara dugaan terhebat yang dialami negara ini dalam perjalanan ke arah kemerdekaan ialah peristiwa darurat iaitu pemberontakan Parti Komunis Malaya (PKM) terhadap pentadbiran British di Tanah Melayu. Darurat hampir meragut peluang negara ini untuk mengecapi kemerdekaan. Ia sering diingati sebagai cerita yang tersirat dalam apa yang tersurat kerana ianya berlaku seiring dengan jalan ke arah kemerdekaan negara ini. Darurat diisyiharkan secara rasmi bermula pada tahun 1948 oleh Sir Edward Gent dan telah diisyiharkan berakhir pada 1960 oleh Yang di-Pertuan Agong. Selama 12 tahun pemberontakan bersenjata oleh PKM telah mengakibatkan keadaan buru-hara yang tidak terbingga di negara ini. Walau bagaimanapun pemberontakan PKM ini telah menemui kebuntuan dan pada akhirnya terpinggir dari arus perkembangan negara. Kegagalan PKM ini memberi ruang dan jalan untuk penamatkan Darurat di Malaya dan sekali gus menikmati kemerdekaan dari pentadbiran British. Kegagalan PKM sering dilihat sebagai isyarat kejayaan dasar pertahanan dan keselamatan yang dilancarkan oleh pihak British dan kemudiannya kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Biarpun peristiwa penting ini telah berlalu sejak 60 tahun yang lepas tetapi parut dan lukanya masih lagi dirasai. Maka oleh itu adalah penting buat mereka yang ada pada hari ini merenung kembali peristiwa yang berlaku agar ianya dapat memberikan pengajaran kepada generasi masa kini dan yang*

*akan datang. Justeru itu kertas kerja ini akan cuba melontarkan idea berkenaan peristiwa darurat secara umum dan melihat bagaimana ianya sangat penting untuk dijadikan pengajaran kepada kita semua lebih-lebih lagi dalam konteks ketahanan nasional. Hasil perbincangan kertas kerja ini diharap dapat memberi idea baru tentang hakikat darurat serta pengajaran dan kefahaman yang diberikan.*

## **PENGENALAN**

Kemerdekaan negara ini telah diusahakan menerusi pelbagai cara dan melalui jalan yang panjang. Di dalam tempoh tersebut pelbagai peristiwa dan halangan telah dihadapi oleh penduduk negara ini. Di antara halangan paling mencabar dan paling pahit dilalui ialah pemberontakan atau revolusi bersenjata yang dilakukan oleh Parti Komunis Malaya (PKM). Pada masa mereka melakukan pemberontakan itu pelbagai kekejaman telah dilakukan dan merupakan halangan terbesar kepada usaha memerdekaan negara ini. Usaha perpaduan yang cuba dibentuk benar-benar teruji pada waktu revolusi PKM ini berlangsung. Kepercayaan diantara rakyat dan kepercayaan kepada pentadbiran British menghadapi ancaman. Peristiwa revolusi ini telah mengambil masa yang panjang dan hampir menjadikan kemerdekaan sesuatu yang mustahil kepada negara. Walau bagaimanapun atas usaha semua pihak samada kerajaan ataupun rakyat telah memungkinkan kemerdekaan dicapai pada 31 Ogos 1957. Kemerdekaan ini dicapai setelah pelbagai usaha dilakukan bagi menangani pemberontakan yang berlaku. Biarpun peristiwa penting ini telah berlalu sejak 60 tahun yang lepas tetapi parut dan lukanya masih lagi dirasai. Maka oleh itu adalah penting buat mereka yang ada pada hari ini merenung kembali peristiwa yang berlaku agar ianya dapat memberikan pengajaran kepada generasi masakini dan yang akan datang. Justeru itu kertas kerja ini akan cuba melontarkan idea berkenaan peristiwa darurat secara umum dan melihat bagaimana ianya sangat penting untuk dijadikan pengajaran kepada kita semua lebih-

lebih lagi dalam konteks ketahanan nasional. Hasil perbincangan kertas kerja ini diharap dapat memberi idea baru tentang hakikat darurat serta pengajaran dan kefahaman yang diberikan.

### **PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM)**

Ideologi komunis tiba di Tanah Melayu pada tahun 1920-an terutamanya di sekitar tahun 1925. Imigran Cina telah membawa buku-buku dan risalah-risalah mengenai ajaran komunis dan disebarluaskan di kalangan orang Cina di Tanah Melayu. Hasil dari kegiatan mereka, guru-guru dan murid-murid sekolah Cina telah menubuhkan Liga Belia Komunis di Singapura pada tahun 1926. Sehingga 1927, komunis di Tanah Melayu bergerak di sebalik Parti Kuomintang (KMT) kerana wujudnya kerjasama antara Parti Komunis China (PKC) dan KMT di China. Perpecahan KMT-PKC pada tahun 1927 telah menyebabkan PKC menghantar 5 orang wakilnya ke Tanah Melayu. Mereka telah berjaya menubuhkan Parti Komunis Nanyang di Singapura pada tahun 1927. Agen-agen Comintern atau Komunis Antarabangsa yang tiba di Tanah Melayu pada tahun 1928 telah mencadangkan supaya Parti Komunis Nanyang disusun semula. Pada 6 April 1930, satu persidangan komunis telah diadakan di Singapura dan hasilnya lahirlah Parti Komunis Malaya (PKM) yang beribu pejabat di Singapura. Perkembangan pesat fahaman komunis di Singapura dikaitkan dengan penduduk negara itu yang majoritinya berbangsa Cina. Menurut rekod British; “*The Communist threat has first shown itself in Malaya – in the recent attempt by Chinese Communists to overthrow the establish order. A similar threat hangs over Singapore – a predominantly Chinese city*” (Publicity measures against communism in the British Territories in the Far East; FO 1110/143).

PKM telah berkembang baik dan diarah untuk menyelia gerakan komunis di Thailand dan Indonesia selain menjalankan kegiatannya di Tanah Melayu. PKM telah diletakkan di bawah Biro Komunis Antarabangsa Timur Jauh yang berpusat di Shanghai (Aloysius Chin : 1995). Sejak ditubuhkan, PKM terpaksa menjalankan kegiatan mereka secara sulit

kerana parti ini diharamkan disebabkan kegiatan anti-British yang dijalankan dianggap mengganggu ketenteraman awam. Perkembangan PKM seterusnya menghadapi pelbagai ancaman dari pentadbiran British dan dari masa ke masa pemimpin mereka diberkas. Bagi British ancaman komunis bukan sahaja merupakan soal keselamatan malah lebih dari itu. Sumber dari Pejabat Luar British menyatakan; *Communist developments in S.E. Asia are of concern to the Foreign Office not only because they present an immediate problem in the defence of our vital interests, but because they fit into the general strategy of the Kremlin in the Cold War against us* (Communist Strategy in S.E. Asia; FO 1110/143).

### **PENDUDUKAN JEPUN (1941-1945)**

Menurut Short (1975), apabila Tanah Melayu mula dijajah oleh angkatan Jepun pada awal Disember 1941, PKM telah mempunyai kekuatan dari segi jumlah ahli dan juga logistik. Apabila berlakunya perang di antara Jepun dan juga Berikat, pihak PKM mula mendapat tawaran untuk membantu pihak British untuk berperang melawan soldadu-soldadu Jepun. PKM telah menerima tawaran yang diketengahkan dan menyediakan tenaga kerja untuk dihantar berperang. Sebuah sekolah perang ditubuhkan yang dikenali sebagai Sekolah Latihan Khas (*Special Training School*) 101 yang diketuai oleh Leftenan Kolonel Spencer Chapman. Nukleus inilah yang kemudiannya menjadi Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya atau *Malayan People's anti-Japanese Army* (MPAJA).

Pada 19 Disember tahun yang sama juga, PKM telah melancarkan "*Malayan Overseas Chinese Anti-Japanese Mobilization Society*". Kumpulan ini terdiri daripada beberapa gabungan organisasi seperti Kuomintang, Chinese Chamber of Commerce dan beberapa kumpulan yang lain dan dikenali dengan jolokan Dalforce (Cheah Boon Kheng, 1983). Dalam masa yang sama, kerjasama dilakukan oleh PKM bersama dengan pihak British pada 21 Disember 1941. Empat teras utama perjanjian dilaksanakan iaitu menyatukan semua rakyat Tanah Melayu untuk menentang kemaraan askar Jepun dan membantu pihak British

mempertahankan Tanah Melayu, membekalkan senjata api kepada ahli PKM dan rakyat yang lain untuk menghadapi kemaraan tentera imperialis Jepun, membasmikan dan menyingkirkan ahli-ahli yang belot dan ejen kepada Jepun serta menentang pendudukan Jepun menerusi peperangan gerila (Hanrahan, 1971).

Ekoran daripada perjanjian dengan pihak British, buat pertama kalinya PKM telah menugaskan komrad-komrad untuk bergerak secara terbuka, menyebarkan propaganda parti melalui radio dan surat khabar. Selain itu juga, PKM dengan rasminya telah menukuhkan sayap bersenjata parti yang dikenali dengan nama Rejimen Pertama MPAJA pada 1 Januari 1942. Selain itu juga, terdapat empat lagi rejimen bersenjata yang rata-ratanya terdiri daripada lepasan Sekolah Latihan Khas 101 yang ditempatkan di Selangor, Negeri Sembilan, utara dan selatan Johor. Namun berlaku pengkhianatan di dalam Parti Komunis Malaya apabila Setiausaha Agung Parti Loi Teck menjadi tali barut kepada Jepun. Semasa berlangsungnya persidangan majlis tertinggi PKM di Batu Cave pada 1 September 1942, Loi Teck tidak hadir ke mesyuarat dan sebaliknya menyalurkan maklumat persidangan tersebut kepada askar Jepun. Akibatnya, askar Jepun berkekuatan seramai 2,000 orang mengepung dan menyerang ahli majlis tersebut. Seramai 18 orang ahli PKM terbunuh termasuk empat komisaris politik dari Rejimen Pertama, Kedua, Keempat dan Kelima dan tiga anggota “Old Guard” parti yang bertindak sebagai anggota Jawatankuasa Wilayah (Short, 1972).

Menurut Short (1975), semasa pendudukan Jepun, Parti Komunis Malaya (PKM) berusaha untuk memperkuatkan organisasi mereka. Ianya bertujuan untuk berperang dengan askar-askar Jepun dan juga berkemungkinan berperang dengan tentera-tentera British yang dijangka akan datang semula sekiranya bala tentera Jepun dapat dikalahkan. Kerjasama yang telah terjalin di antara PKM dan British hanyalah satu helah PKM dan bukannya satu polisi atau matlamat jangka panjang. Matlamat utama PKM hanyalah menghalau penjajah British keluar dari

Tanah Melayu dan seterusnya mentadbir Tanah Melayu dengan sistem pemerintahan diktator proletariat. Pada Mei 1943, tentera British telah menghantar satu ketumbukan tentera yang dikenali sebagai Force 136 melalui kapal selam. Menurut Cheah Boon Kheng (1983) pasukan ini menggunakan taktik gerila untuk berperang dengan tentera Matahari Terbit dan dibantu oleh ejen-ejen dari MPAJA yang bertindak sebagai mata dan telinga kepada British. Pasukan ini diketuai oleh Kolonel John Davis. Setelah Berjaya mendarat di Tanah Melayu, Kolonel John Davis mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Agung PKM Loi Teck dan Chin Peng yang pada ketika itu menjawat jawatan Ketua PKM Perak. Hasil rundingan dan perbincangan ini membolehkan British menyediakan latihan, pemberian senjata api dan wang kepada ejen-ejen dan tentera MPAJA untuk melawan kemaraan askar-askar Jepun.

Hampir seramai 3,000 hingga 6,000 anggota yang menyertai MPAJA sepanjang berperang dengan bala tentera Jepun. Ini kerana terdapat sesetengah kawasan yang dikuasai seratus peratus oleh gerila MPAJA disebabkan kekurangan anggota Force 136. Peningkatan yang mendadak keahlian anggota MPAJA menimbulkan rasa curiga British kepada PKM. Pentadbiran British beranggapan mereka ini merupakan *secret soldiers* PKM yang menyelinap masuk ke dalam MPAJA. Menurut Cheah Boon Kheng, setelah terbentuknya perjanjian rahsia di antara British dan PKM pada April 1945, komrad-komrad komunis yang mendapat bekalan senjata telah menyembunyikan senjata yang diberikan ke dalam hutan dan digunakan semula untuk berperang dengan British bagi merealisasikan matlamat utama PKM iaitu menghalau pihak British dan memerintah Tanah Melayu secara kekerasan.

## **KEMARAAN PKM**

Setelah berakhirnya Perang Dunia Ke-2 (*World War II*), Parti Komunis Malaya merupakan sebuah parti yang paling tersusun organisasinya berbanding dengan parti-parti yang lain di Tanah Melayu. Kebebasan dan kelonggaran yang diberikan oleh pihak British mendorong pemerintah

tertinggi PKM melaksanakan beberapa agenda untuk menguatkan pengaruh parti. Selain mengukuhkan pengaruh komunisme di dalam kesatuan sekerja, PKM turut melancarkan propaganda dalam bidang pendidikan aliran Cina.

Menjelang Jun 1948 keadaan semakin gawat dan tegang. Kerajaan tidak mampu mengawal keadaan dengan cara biasa kerana adanya kegelisahan dan pemogokan di beberapa tempat. Terdapat banyak faktor yang telah mendorong PKM melancarkan pemberontakan terhadap kerajaan British. Ia meliputi faktor yang sedang berlaku di Tanah Melayu pada masa itu dan faktor perkembangan komunisme antarabangsa. Di Tanah Melayu, penolakan kerajaan British terhadap Perlembagaan Rakyat wang telah dikemukakan oleh pihak *All Malayan Council Joint Action* (AMCJA) dan PUTERA sebaliknya menerima cadangan perlembagaan yang telah dikemukakan oleh parti UMNO (*United Malays National Organization*) telah menimbulkan kekecewaan di kalangan mereka. Penolakan tersebut disebabkan oleh pihak British tidak mahu menerima cadangan perlembagaan yang dikemukakan oleh pihak yang dilabelkan sebagai kumpulan kiri dan bekerjasama dan menerima cadangan perlembagaan yang dikemukakan oleh UMNO yang lebih pro kerajaan pada masa itu. Perkaitan perkara ini dengan Darurat di Malaysia dibincangkan oleh Zainal Abidin Abdul Wahid (1979: 140); “Adalah didebatkan bahawa kegagalan Parti Komunis Tanah Melayu untuk mencapai tujuannya melalui cara perlembagaan yang mendorongnya menggunakan kekerasan dengan itu bermulalah Darurat pada bulan Jun 1948.”

Dalam masa yang sama, peristiwa tersebut turut dikaitkan dengan Persidangan Pemuda Asia di Culcutta yang dianjurkan oleh Pertubuhan Komunis Antarabangsa ataupun *Comintern* yang telah diadakan pada Februari 1948. Sumber rasmi British memetik sebagai;

*The result of the Calcutta Conference was that violence directly organized by the Communists broke out throughout South East Asia. In Viet Nam, where French opposition to legitimate nationalist aims still provides a particularly favourable field for Communist penetration of the whole nationalist movement, armed rebellion has continued since 1945 under Communist leadership. Now eruptions took place elsewhere.... And most spectacular of the Communist outbreaks, of course took place in British Malaya (Communist Strategy in S.E. Asia; FO1110/143).*

Ternyata faktor dalaman dan faktor luaran mempunyai hubungan dalam mencetuskan Darurat di negara ini. Dalam masa yang sama, keadaan politik di Malaysia pada masa itu iaitu merebaknya fahaman dan pengaruh komunis terutamanya di kalangan orang Cina dan kesatuan-kesatuan buruh yang telah bergabung dan membentuk *Pan-Malayan Federation of Trade Unions* (PMFTU) memainkan peranan yang lebih penting sebagai faktor penyebab utama dalam mencetuskan pemberontakan tersebut. Memandangkan persidangan tersebut diadakan pada tahun 1948, ia berlaku serentak dengan keadaan politik Malaysia pada masa itu yang jelas menunjukkan terdapat hubung kait antara faktor-faktor luaran dan dalaman negara (Rohani, 2002).

Menjelang pertengahan tahun 1948, pihak PKM semakin mempergiatkan usaha-usaha bagi mencetuskan kacau bilau di Tanah Melayu. Keadaan keselamatan semakin serius dan dalam sidang akhbarannya pada 13 Jun 1948, Sir Edward Gent, Pesuruhjaya Tinggi, menjelaskan sekurang-kurangnya 13 kejadian serius telah tercetus di beberapa tempat di seluruh negara, termasuk 10 kes pembunuhan dan 3 kejadian serangan ke atas pengurus-pengurus estet getah. Jenayah kekerasan ini tercetus hasil agitasi anasir ekstremis yang mencabar kekuasaan kerajaan. Tiga hari selepas sidang akhbar tersebut 3 orang peladang Inggeris terbunuh di Sungai Siput, Perak oleh sekumpulan orang bersenjata.

Akibat dari itu peristiwa tersebut Perisyiharan Darurat secara umumnya telah dibuat bermula pada 16 Jun 1948 di Sungai Siput dan Ipoh di Perak. Ia kemudiannya telah diikuti beberapa kawasan di Johor, antaranya Kluang, Muar, Kulai dan Plentong. Keesokan harinya pada 17 Jun 1948, perisyiharan pemerintahan darurat telah dibuat meliputi seluruh negeri Perak dan Johor. Akhirnya pada 18 Jun 1948, "Perisyiharan Pemerintahan Darurat" telah dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu, Sir Edward Gent meliputi seluruh Tanah Melayu. Perisyiharan darurat di Singapura telah dibuat pada 24 Jun 1948.

Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Edward Gent, telah terbunuh dalam kemalangan udara sewaktu dalam perjalanan pulang ke London dan digantikan oleh Sir Henry Gurney pada 6 Oktober 1948. Pesuruhjaya Tinggi British yang baru ini memutuskan bahawa darurat di Malaysia lebih merupakan pertentangan di antara ideologi komunis dan ideologi Barat yang anti-komunis. Gurney kemudiannya mengisytiharkan komunisme harus ditentang dari dua sudut iaitu pertamanya menerusi penggunaan pembangunan sosial, ekonomi dan politik sebagai senjata manakala keduanya menerusi kekuatan polis dan tentera (Miller: 1972). Namun begitu, di tengah-tengah kesungguhan British menentang kekejaman PKM, Sir Henry Gurney telah terbunuh oleh serangan hendap penganas komunis pada 6 Oktober 1951, sewaktu beliau dalam perjalanan ke Bukit Fraser di sempadan Pahang dan Selangor.

### **PERLANTIKAN SIR GERALD TEMPLER**

Individu yang dipilih dan dilantik bagi memenuhi matlamat Lyttelton ialah General Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi baru bermula Januari 1953. Beliau telah diberikan arahan dari Setiausaha Negara untuk Tanah Jajahan bukan sahaja menghentikan keganasan komunis tetapi juga menyediakan Tanah Melayu untuk berkerajaan sendiri, seperti dinyatakan dalam arahan (directive) tersebut:

*The policy of His Majesty's Government in the United Kingdom  
is Malaya should in due course become full self governing nation...*

*HMG believe that the British have a mission to fulfill in the achievement of these object... Communist terrorism is retarding the political advancement and economic development of the country and the welfare of its peoples. Your primary task in Malaya must, therefore, be the restoration of law and order, so that this barrier to progress may be removed. Without victory and state of law and order which it alone can bring, there can be no freedom from fear, which is the first human liberty. (Stockwell: 1995)*

Tidak seperti Gurney dan Briggs, Templer telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi dan Pengarah Operasi. Ini berbeza pada waktu pentadbiran Gurney, kerana semasa pentadbirannya, Briggs berperanan sebagai Pengarah Operasi dan tertakluk di bawah kuasa Sir Henry Gurney.. Perubahan ini dirancang oleh Lyttelton bagi memastikan keberkesanan penyelarasan antara semua pihak yang terlibat dalam usaha dan kempen penentangan terhadap komunis. Ini telah secara jelas dinyatakan dalam arahan yang dikeluarkan oleh Lyttleton bagi pihak Kerajaan British, seputarmana dilaporkan:

*In furtherance of your task, not only will you fulfil the normal functions of High Commissioner, but you will assume complete operational command over all armed forces assigned to operations in the Federation and will be empowered to issue operational orders to their Commanders without reference to the Commanders in Chief, Far East." (Stockwell: 1995)*

Pengalaman luas beliau di bidang perisikan sepanjang penglibatannya dalam pertahanan British sepanjang tempoh Perang Dunia Kedua merupakan satu kelebihan besar setelah beliau dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu yang baru. Keadaan keselamatan Tanah Melayu yang sangat terancam oleh huru-hara yang dicetuskan oleh PKM menyebabkan Templer perlu menjalankan pendekatan pentadbiran yang berbeza. Oleh yang demikian, beliau

mempunyai tugas besar yang berbentuk serampang dua mata iaitu pertama, beliau harus menangani permasalahan politik bagi menyediakan Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri. Kedua, dalam masa yang sama beliau bertanggungjawab bukan sahaja meneruskan, malahan mempertingkatkan lagi program-program pembangunan sosial, politik dan ekonomi yang telah dimulakan Gurney. Bagi tugas kedua juga sebagai Pengarah Operasi, Templer harus memastikan tekanan terhadap PKM akan dipertingkatkan dan seterusnya mengubah situasi yang ada dari sikap bertahan kepada taktik menyerang yang diyakini dapat meyakinkan rakyat Tanah Melayu, lebih-lebih lagi dalam proses menunjukkan akan kebaikan demokrasi berbanding komunisme (Miller: 1972).

Templer seterusnya menggariskan strategi beliau bagi memastikan kejayaan kempen baru menentang komunis. Pada tahun 1952, beliau telah membuat pengisytiharan kepada pihak antarabangsa melalui Majalah Time Magazine bahawa, "*jungle has been neutralised*". Bagi mencapai maksud tersebut, Templer telah menyusun beberapa strategi pertahanan Tanah Melayu iaitu pertama, menyusun semula pasukan polis dengan penekanan kepada perubahan peranannya. Kedua beliau ialah mewujudkan sebuah organisasi perisikan yang mantap dan seterusnya menyelaras semua perkhidmatan penerangan seperti badan penyiaran dan juga pengeluar dan pembuat filem dalam usahanya menggerakkan kempen perang psikologi terhadap PKM (Miller: 1972). Sementara itu, ketiga, beliau melaksanakan Perang Psikologi atau Perang Saraf (*Psychological Warfare*) yang kemudiannya telah membawa kejayaan kepada Tanah Melayu dalam menamatkan Darurat.

Selain itu, Templer juga menumpukan perhatian kepada pembangunan Tanah Melayu dari semua aspek sosial, ekonomi dan politik. Beliau tidak mahu melihat orang Melayu merasa dipinggirkan atau wujudnya jurang dengan orang Cina di kampung-kampung baru yang mendapat nikmat pembangunan lebih baik. Justeru itu, beliau telah memastikan pembinaan infrastruktur seperti sekolah-sekolah dan juga pusat kesihatan

berserta bekalan air bersih dan elektrik serta pembinaan jalan-jalan di kawasan orang Melayu. Beliau juga menyusun semula Rural & Industry Development Authority (RIDA) bagi membantu pembangunan ekonomi orang Melayu.

Kesabaran dan ketabahan Templer serta sikap baiknya telah membawa kesan positif kepada hubungan antara orang Melayu menerusi Parti UMNO dan orang Cina menerusi Parti MCA telah membawa kepada jalan untuk Tanah Melayu berkerajaan sendiri (Stockwell: 1995). Biarpun kedua-dua pihak masih lagi mengambil sikap berwaspada, tetapi pada hakikatnya mereka merasa tertarik dengan semua perubahan yang berlaku dan kesungguhan Templer menyediakan Tanah Melayu untuk berkerajaan sendiri. Ini kemudian direalisasikan dengan kerjasama dua parti tersebut dalam Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1952, sebagaimana dilaporkan oleh Templer kepada Lyttleton dalam usaha penyusunan semula kerajaan seperti yang dinyatakan:

*The inclusion of UMNO is all the more important now that there are signs of cementing and (sic) extension beyond Kuala Lumpur of the alliance which was formed between the MCA and UMNO for purpose of the recent municipal elections (Stockwell:1995).*

Perang psikologi juga telah amat berjaya sebagaimana yang digambarkan oleh peningkatan penyerahan diri secara sukarela oleh anggota PKM. Ini juga menggambarkan kejayaan perang saraf dengan penyebaran surat dan notis tawaran pengampunan oleh pihak tentera udara. Rakyat telah semakin yakin dengan penerangan kerajaan sekali gus memberikan gambaran keberkesanan penyusunan semula Jabatan Penerangan pada peringkat awal kempen Templer.

Penyusunan semula pasukan polis juga merupakan satu kejayaan utama Templer. Beliau telah berjaya mewujudkan pasukan polis sebenar yang memainkan peranan yang jelas dan penting dan bukannya lagi pasukan

separa tentera yang keliru akan fungsi sebenar mereka. Pasukan polis kini semakin rapat dan mudah diterima orang ramai sekaligus mewujudkan kerjasama yang menghasilkan kawalan keselamatan yang lebih lengkap dan berkesan di semua kawasan penempatan. Satu lagi kejayaan usaha penyusunan semula ini ialah penubuhan SOVF yang banyak membantu operasi risikan yang menghasilkan penghapusan ramai anggota pengganas terutamanya dalam penghasilan maklumat dalaman pihak PKM.

Dari sudut ketenteraan tidak dapat dinafikan 1952 merupakan tahun di mana perang gerila di dalam hutan yang selama ini menyebelahi PKM telah memberikan pukulan hebat sehingga mengakibatkan kekalahan pada pihak mereka pula. Pasukan keselamatan kerajaan pada tahun itu dalam semua operasi telah berjaya menewaskan 1097 anggota PKM. Manakala anggota keselamatan yang terkorban seramai 263 orang dan cedera seramai 401 orang. Korban di kalangan orang awam akibat kekejaman komunis juga semakin berkurangan dengan kematian seramai 343 manakala 168 cedera dan 131 hilang (O'Balance: 1966).

Operasi besar-besaran sepanjang tahun 1953 dan 1954 pula benar-benar telah menandakan perubahan besar kepada kempen kerajaan untuk menghapuskan ancaman komunis. Kejayaan mengisyitiharkan Kawasan Putih di kawasan berpenduduk 160,000 orang di pantai Melaka seluas 220 batu persegi pada tahun 1953 telah diikuti dengan kawasan pantai Terengganu pada Januari 1954 dan seterusnya Perlis dan Kedah juga Negeri Sembilan menggambarkan sejauh mana kempen beliau telah mencapai kejayaan (O'Balance:1966).

Satu-satunya kekecewaan Templer sepanjang usahanya membanteras ancaman komunis ialah kegagalan penubuhan Tentera Persekutuan yang tidak mendapat sambutan dari masyarakat Cina dan juga masalah di sempadan bersama Tanah Melayu-Thailand yang telah memperlahangkan kemajuan tentera kerajaan untuk menghapuskan pengganas komunis. Secara keseluruhannya, Malaya sudah semakin hampir untuk

menyingkirkan ancaman komunis dan Templer telah berjaya dalam perancangannya untuk memastikan keamanan dan keselamatan bagi penduduk Tanah Melayu sebelum mereka boleh bergerak ke arah usaha berkerajaan sendiri.

General Sir Gerald Templer kekal berkhidmat di Persekutuan Tanah Melayu sehingga 1 Jun 1954 dan telah dinaikkan pangkat sebagai Field Marshall dan Ketua bagi Imperial General Staff. Tempat beliau sebagai Pesuruhjaya Tinggi telah digantikan oleh timbalannya, Sir Donald MacGillivray, sementara jawatan Pengarah Operasi telah diambil alih oleh Lieutenant General Sir Geoffrey Bourne, yang kemudiannya dilantik sebagai General Officer Commanding Malaya.

### **DARURAT DAN GENERASI MASA KINI**

Generasi pascamerdeka kebanyakannya hanya mengetahui zaman sebelum merdeka daripada buku sejarah. Mungkin kerana itu sukar bagi mereka menghayati sendiri erti kemerdekaan sebenar, maka ada generasi pascamerdeka yang mengambil mudah sambutan ulang tahun kemerdekaan negara. Ada yang menganggap tarikh 31 Ogos sekadar cuti umum semata-mata. Hal ini sangat menyediakan kerana ketiadaan penghayatan kemerdekaan yang sebenar boleh mengundang penjajah kembali ke negara kita. Penting bagi generasi pascamerdeka untuk menghayati dan memahami sejarah silam. Darurat merupakan satu peristiwa besar yang hamper mengakibatkan negara ini sekali lagi tergadai di bawah pemerintahan yang zalim sebagaimana kejatuhan Empayar Melayu Melaka kerana perselisihan dalaman dan perebutan kuasa. Akibatnya Portugis menyerang dan berjaya menjajah Melaka. Bermula dari detik hitam pada 1511 itu, negara terpaksa menunggu 446 tahun sebelum kembali merdeka. Kita mengambil masa 446 tahun lamanya untuk kembali merdeka. Dan 12 tahun dalam kesengsaraan yang diakibatkan oleh perbuatan anggota komunis. Sanggupkah kita menggadai kemerdekaan ini sekali lagi?. Generasi terdahulu bergolok gadai, sanggup menyerahkan barang berharga, seperti barang kemas

seperti rantai, gelang tangan, cincin dan sebagainya termasuk menyerahkan harta sekecil syiling 50 sen untuk membolehkan Tunku Abdul Rahman menuntut kemerdekaan. Justeru, sudah menjadi tugas generasi sekarang untuk memastikan peristiwa sedemikian tidak berulang dan negara ini tidak dijajah semula. Banyak pengajaran dapat ditanamkan kepada golongan pascamerdeka dari apa yang berlaku sepanjang peristiwa darurat lebih-lebih lagi bagi tujuan untuk mengisi dan mempertahankan kemerdekaan negara. Antara pengajaran yang jelas ialah:

#### **A) Kepentingan Sejarah**

Mengapa aspek-aspek yang berkaitan dengan sejarah ini penting?. Secara umumnya peristiwa lampau yang dikaji oleh pengkaji sejarah memang sudah usang jika dilihat dengan mata kasar, tetapi di sebalik itu terselit faedahnya. Pengetahuan mengenai peristiwa lampau mempunyai kesan terhadap diri, masyarakat dan juga negara sebagai panduan atau pengajaran yang sangat berguna. Ia membawa nilai pendidikan yang amat penting kepada manusia terutamanya dalam konteks membangunkan negara dan bangsa.

Bagi individu misalnya, perlu mengetahui dan mengenali siapa dirinya yang sebenar melalui sejarah dan ciri-ciri peribadi dan apakah yang membezakannya dengan sejarah dan ciri-ciri yang ada pada orang lain. Setelah mengenali diri sendiri, seseorang itu akan sentiasa berhati-hati sebelum sesuatu tindakan atau keputusan hendak diambil berdasarkan kepada sejarah, pengalaman serta kelebihan dan kekurangan yang ada pada dirinya. Individu itu juga boleh merujuk atau mengkaji berpandukan apa yang telah dilakukan oleh individu lain pada masa lampau.

Manakala bagi sesebuah masyarakat dan negara pula, barangkali kesalahan yang telah dilakukan pada masa silam boleh dipelajari dan dikenal pasti apakah punca-puncanya agar kesalahan yang sama tidak berulang kembali. Masyarakat dan negara pada masa kini dan masa hadapan akan dapat mengkaji dan seterusnya cuba menyelesaikan masalah

dengan menggunakan pelbagai cara yang lain pula. Ini bermakna sejarah boleh menjadi guru yang paling baik kerana dapat memberi panduan dan pengajaran yang berguna dari melakukan kesalahan yang sama dapat dielakkan daripada berulang semula. Oleh itu, sejarah mengajar individu, masyarakat dan negara agar lebih mengenali dan menghargai diri melalui pengalaman lampau untuk masa depan yang lebih gemilang.

**B) Mengingatkan kembali kenangan masa lampau**

Di samping itu pengetahuan terhadap peristiwa lampau seperti darurat memberi peluang kepada kenangan masa lampau yang boleh sahaja diambil sebagai panduan dan juga pengajaran. Usaha pendidikan seperti ini akan memberikan kesan psikologi kepada orang ramai dari aspek mengenangkan kembali atau mengaitkan peristiwa-peristiwa masa lalu. Sekiranya ia berkenaan hal yang bersifat positif haruslah diaplikasikan untuk masyarakat hari ini pula. Manakala jika ianya bersifat negatif dapatlah dihindari agar sesuatu yang buruk tidak berulang lagi. Sebagai contoh Darurat menonjolkan kesengsaraan dan kepahitan dalam sejarah negara dan ia merupakan peringatan kepada kita akan buruknya penjajahan. Melalui kenangan peristiwa masa lampau ini sebahagiannya akan dapat menanamkan rasa cinta kepada negara selain dapat menjadikan peristiwa masa lampau itu sebagai panduan pada masa akan datang.

**C) Kesedaran nasionalisme**

Pengajaran dari Darurat secara tidak langsung dapat memupuk kesedaran Nasionalisme di kalangan masyarakat. Melalui cerita-cerita lalu digabungkan dengan rasa hormat menghormati dapat membentuk rasa kekitaan dalam diri setiap warganegara sekali gus memupuk perpaduan. Manusia tidak dapat lari daripada hakikat bahawa setiap yang terjadi ada permulaannya begitulah juga kita di Malaysia yang masih berusaha mengenali diri masing-masing. Kenal mengenali di kalangan masyarakat pelbagai kaum dan etnik adalah penting kerana kebutaan dan kegagalan masyarakat negara ini mengenali sesama sendiri bermakna mereka juga tidak mengetahui sejarah negara ini dan akan mendatangkan bahaya serta

menjadi ancaman kepada proses perpaduan dan perkembangan negara secara menyeluruh dan apa yang lebih menakutkan ialah berulangnya tragedi berdarah 1969.

Justeru, mengajak warganegara masa kini mengenali darurat membantu setiap mereka mengenali sejarah dan identiti masing-masing agar dapat menimbulkan rasa tolak ansur serta berkongsi kecintaan kepada negara sekali gus membantu pembangunan negara secara keseluruhan. Pemangkin bagi pengekalan kemerdekaan adalah semangat kemerdekaan. Walau bagaimana pun semangat merdeka hanya akan terbentuk sekiranya semangat patriotisme setiap individu telah wujud. Sambutan Hari Kebangsaan, hari ulang tahun kemerdekaan adalah merupakan suatu kesempatan untuk kita menggilap semangat patriotik, hubbul watan atau semangat cintakan negara. Malah bagi sesetengah pemikir Islam termasuklah *Prof. Ismail Faruqi* dan *Muhammad Iqbal* patriotisme adalah semangat yang murni, universal dan bebas daripada elemen perkauman. Semangat perjuangan dan pengorbanan ini lahir daripada nilai-nilai cinta, kasih, sayang dan kesetiaan kepada nusa dan

bangsa. Lazimnya, patriotisme didasari oleh sifat dan sikap kesukarelaan, keikhlasan, kesanggupan, kesungguhan, dedikasi dan komitmen seseorang insan untuk mempertahankan kemerdekaan negara dan memelihara kemerdekaan serta kedaulatan bangsanya. Matlamatnya supaya perlombagaan, undang-undang, integriti, kredibiliti, kepentingan, kemajuan, kejayaan, kemakmuran, kesejahteraan, keharmonian, perpaduan, ketenteraman, keamanan dan kelangsungan bangsa dan negara ini tidak diganggu-gugat oleh sesiapa. Oleh itu, patriotisme adalah sesuatu yang abstrak. Ia lahir daripada tindakan atau perjuangan seseorang yang berasaskan kepentingan negara, agama dan bangsa. Apakah pula fokus patriotisme kita hari ini? Sejauh manakah ia dihayati? Bagaimanakah ia dipupuk? Adakah ia muncul sebagai reaksi kepada masalah yang dihadapi negara? Adakah ia semarak pada tarikh tertentu saja? Lebih penting lagi, bagaimanakah dan sejauh manakah patriotisme

diterjemahkan sebagai asas bagi meningkatkan kecemerlangan? Pada setiap zaman, muncul cabaran baru yang mengugat patriotisme.

## **KESIMPULAN**

Pemberontakan bersenjata oleh PKM merupakan cabaran besar pada British dalam menghadapi ideologi Komunisme. Pada ketika yang sama berlakunya Perang Dingin dan kuasa-kuasa besar dunia telah berpecah kepada dua pakatan kuasa yang memperjuang ideologi Komunisme dan Demokrasi. Maka menjadi tanggungjawab kerajaan British di Tanah Melayu untuk membetulkan keadaan dengan memastikan kekuatan demokrasi barat dapat mengatasi kuasa kuku besi Komunisme. PKM yang baru mendapat Setiausaha Agong yang baru iaitu Chin Peng, sangat terangsang pada ketika itu dengan kejayaan Parti Komunis China di tanah besar China dan bercita-cita untuk menubuhkan Republik Soviet Malaya.. Justeru, keadaan sangat genting pada ketika itu bagi kedua-dua belah pihak. Biarpun dianggap sebagai karektor yang kontroversi, kepimpinan Templer telah membuktikan banyak perubahan telah dilakukan terhadap situasi darurat di Tanah Melayu. Sewaktu beliau menamatkan perkhidmatannya di Tanah Melayu, aktiviti komunis telah banyak berkurangan selain beliau berjaya meredakan ketegangan kaum antara orang Melayu dan Cina. Biarpun ramai berpendapat kebanyakan situasi dipengaruhi oleh perisytiharan Directive Oktober 1951 dan kesan yang dinikmati dari program penempatan semula dan kampung baru. Tetapi tidak dapat tidak untuk kita menerima yang usaha dan cara yang dilaksanakan Templer bersama-sama akibat polisi baru PKM berkongsi kepentingan yang besar dalam mengurangkan ancaman PKM kepada Tanah Melayu sekali gus membuka jalan kepada kerajaan untuk menumpukan perhatian yang lebih kepada usaha-usaha pembangunan politik, ekonomi dan sosial di negara ini yang akhirnya membawa kepada kemerdekaan. Sejak dari itu Malaysia telah banyak memperoleh kejayaan dan berada pada landasan yang tepat untuk mencipta kecemerlangan. Kemerdekaan telah berjaya memberikan kita mutu kehidupan yang selesa dengan pelbagai peluang yang terbuka luas. Negara kita telah

mampu membina kedudukan yang kukuh dalam semua bidang setanding dengan negara-negara barat, sama ada dari sudut politik, ekonomi maupun sosial agar generasi akan datang dapat menikmati kehidupan yang lebih baik. Rakyat Malaysia bertanggungjawab untuk memelihara dan meneruskan kesinambungan usaha-usaha yang telah dijayakan oleh generasi terdahulu. Darurat mengajar erti perpaduan, kerjasama dan keburukan Komunisme. Kesemua pihak yang mempunyai kepentingan di negara ini, bermula daripada pemimpin, tenaga kerja kerajaan, swasta, maupun golongan profesional, buruh, petani dan belia, kesemuanya mempunyai tanggungjawab yang besar serta penting untuk mewarnakan dan mencorakkan masa depan Malaysia hasil daripada kemerdekaan yang telah di kecapi dalam tempoh lebih 50 tahun ini. Golongan muda khususnya, tidak sepatutnya lupa akan pengorbanan generasi terdahulu untuk memerdekaan negara ini selepas dijajah ratusan tahun lamanya. Menghayati sejarah perjuangan bangsa menjadi satu tugas penting manakala memupuk semangat cinta akan negara perlu diteruskan dan dihayati dengan lebih mendalam kerana golongan muda mudi inilah yang akan membawa nasib negara di masa akan datang agar kemerdekaan dan kemasyhuran negara Malaysia akan terus gah di persada dunia setaraf dengan perjalanan ke arah kemerdekaan yang telah dilalui oleh pejuang-pejuang kemerdekaan terdahulu. Kemerdekaan yang dipertahankan ini amat besar ertinya dan segala-galanya bermula dengan golongan pascamerdeka yang akan terus mewarnainya. Kemerdekaan adalah lambang kebebasan, kedaulatan, kekuatan dan kejayaan kepada setiap daripada kita iaitu warganegara yang bernaung di bawahnya.

## Bibliografi

- British Documents on the End of Empire, Malaya: The Communist Insurrection 1948-1953 (Part Two) (1995). Edited By A J Stockwell, Series B Volume 3, HMSO, London.
- British Documents on the End of Empire, Malaya: The Alliance Route to Independence 1953- 957 (Part Three) (1995). Edited By A J Stockwell, Series B Volume 3, HMSO, London.
- Barber, Noel (1972). *The War of The Running Dogs: How Malaya Defeated The Communist Guerillas, 1948-1960*. William Calling Son and Co. Ltd. Glasgow.
- Cheah Boon Kheng (1979). *The Masked Comrades: A Study of the Communist United Front in Malaya 1945-48*. Times Books International, Singapore.
- Cheah Boon Kheng (1983). *Red Star Over Malaya : Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation of Malaya 1941- 1946*. Singapore University Press, Singapore.
- Chin, Aloysius (1995). *The Communist Party of Malaya: The Inside Story*. Vinpress , Kuala Lumpur.
- Cloake, John (1985). *Templer, Tiger of Malaya: The Life of Field Marshall Sir Gerald Templer*. Harrap, London.
- Clutterbuck, Richard Lewis (1967). *The Long, Long War : The Emergency in Malaya 1948-1960*. Cassell, London.
- Coates, John (1992). *Suppressing Insurgency: An Analysis of the Malayan Emergency (1948 - 1954)*. Westview Press, Boulder, Oxford.
- Gullick, John (1981). *Malaysia: Economic Expansion and National Unity*, Earnest Benn Limited, London.
- Hack, Karl (2001). *Defence and Decolonisation in South East Asia Britain, Malaya and Singapore, 1941-1968*. Surrey Curzon, Richmond.
- Hanrahan, Gene Z (1971). *The Communist Struggle in Malaya*. University of Malaya Press, Kuala Lumpur.
- Jackson, Robert (1991). *The Malayan Emergency: The Commonwealth's Wars 1948-1966*, Routledge, London.

- Khoo Kay Kim & Adnan Haji Nawang (Ed) (1984). *Darurat 1948-1960*.  
Muzium Angkatan Tentera, Kuala Lumpur.
- Miller, Harry (1954). *Menace in Malaya*. George G. Harrap and Co. Ltd.,  
London.
- Miller, Harry (1972). *Jungle War in Malaya: The Campaign Against  
Communism 1948-1960*. Arthur Barker Limited, London.
- Mohd Idris Salleh (1994). *Sejarah Pembinaan Bangsa*. Utusan Publications,  
Kuala Lumpur.
- Mohd Reduan Haji Asli (1993). *Pemberontakan Bersenjata Komunis Di  
Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, KPM, Kuala Lumpur.
- O'Ballance, Edgar (1966). *Malaya: The Communist Insurgent War 1948-  
1960*. Archon Books, Connecticut.
- Purcell, Victor (1955). *Malaya: Communist or Free?* Victor Gollancz Ltd.,  
London.
- Pye, Lucian W (1956). *Guerilla Communism in Malaya: Its Social and  
Political Meaning*. Princeton University Press, Princeton, New Jersey.
- Pye, Lucian W (1964). *Guerilla Communism in Malaya*. Oxford University  
Press, London.
- Short, Anthony (1977). *The Communist Insurrection in Malaya 1948-  
1960*. Frederick Muller Limited, London.
- Smith, E.D. (1985). *Counter-Insurgency Operations 1: Malaya and Borneo*.  
Ian Allan Limited, London.
- Stubbs, Richard. 'The United Malays National Organization, The  
Malayan Chinese Association and the early years of the Malayan  
Emergency, 1948-1955' *Journal of South East Asian Studies*, Vol  
10, No.1, 1979.
- Stubbs, Richard (1989). *Hearts and Minds in Guerilla Warfare: The Malayan  
Emergency 1948-1960*. Oxford University Press, Oxford .
- Tunku Abdul Rahman Putra (1970). *Malaysia: The Road to Independence*.  
Pelanduk Publications, Kuala Lumpur.